

APLIKASI DAWRAH RUHIYYAH DALAM MENINGKATKAN NILAI KUALITI SPIRITUAL PELAJAR DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

THE APPLICATION OF ISLAMIC SPIRITUAL TRAINING IN THE DEVELOPMENT OF SPIRITUAL QUALITY VALUES AMONG STUDENTS IN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Mohd. Suhardi Mat Jusoh, Zuraina Ali, Rohana Hamzah, Nurul Ain Saleh
Pusat Sains Kemanusiaan (PSK), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Lebuhraya Tun Razak, 26300 Kuantan, Pahang.

suhardi@ump.edu.my

ABSTRAK

Pembangunan nilai kualiti spiritual dilihat sebagai suatu keperluan yang mendesak masa kini dalam usaha memenuhi sebahagian dari aspek kemahiran *employability*. Walau bagaimana pun, melalui tinjauan sorotan kajian literatur lepas, didapati tidak banyak data emperikal yang menjelaskan secara holistik mekanisme latihan spiritual berasaskan agama dalam rangka pemupukan nilai kualiti spiritual seseorang pelajar universiti. Justeru, objektif utama kajian ini adalah mengenal pasti tahap konsistensi serta keberkesanan *dawrah ruhiyyah* dalam usaha meningkatkan kualiti spiritual pelajar di Universiti Malaysia Pahang (UMP). Reka bentuk kajian ini berbentuk kajian penerokaan yang menggabungkan kaedah kajian kuantitatif dan kualitatif sebagai kaedah triangulasi bagi pengukuhan dapatan kajian ini. Melalui kaedah kajian kuantitatif, seramai 162 orang responden telah dipilih melalui persampelan rawak sebagai sampel kajian ini. Dalam kajian kualitatif pula, seramai 15 orang responden telah terlibat dalam kajian ini melalui persampelan bertujuan. Data – data kajian kualitatif yang diperolehi telah dianalisis secara induktif bagi menyokong dapatan kajian kuantitatif. Dapatan kajian secara kuantitatif menunjukkan *dawrah spiritual* ini dapat mempertingkatkan nilai kualiti spiritual responden. Melalui dapatan kualitatif pula, keseluruhan peserta yang mengikuti program latihan ini memperakui bahawa program latihan ini telah memberi banyak perubahan positif dalam diri mereka. Akhirnya, kajian ini merumuskan bahawa guru sebagai pembimbing latihan spiritual ini dan tahap konsistensi peserta adalah dua faktor utama dalam menentukan keberkesanan latihan spiritual ini.

Kata kunci : Dawrah Ruhiyyah, Nilai Kualiti Spiritual, Tahap Konsistensi

ABSTRACT

The development of spiritual quality values is seen as an urgent need today in an effort to meet employability skills. However, through a review of past literature review, it is found that not many empirical data holistically explain the mechanism of religious-based spiritual training to foster the spiritual quality values of a university student. Thus, the main objective of this study is to identify the level of consistency and effectiveness of *dawrah ruhiyyah* in an effort to improve the spiritual quality of students at Universiti Malaysia Pahang (UMP). Exploratory research is employed as the design for the study in that it combines quantitative and qualitative research methods in a single study. The combination of these approaches triangulate one another method to strengthen the findings in the current study. Using random sampling, samples for quantitative research methods are characterized by 162 respondents. While for the qualitative study, a total of 15 respondents are involved in this study through purposeful sampling. The qualitative research data obtained are analyzed inductively to support the findings of the quantitative study. The findings of this study quantitatively show that spiritual *dawrah* (spiritual training) can enhance the value of spiritual quality among the respondents. Meanwhile, for qualitative findings, all participants who participated in this training program certify that their participation has given many positive changes. Finally, this study concludes that teachers as mentors of the spiritual training and the level of consistency of participants are two main factors in determining the effectiveness of this spiritual training.

Keywords: Dawrah Ruhiyyah, Spiritual quality values, Level of consistency

PENGENALAN

Perkembangan industri dan persaingan ekonomi berteraskan teknologi tinggi merupakan suatu faktor yang turut mempengaruhi permintaan dan tuntutan ke atas kemahiran tenaga kerja dalam pelbagai bidang pekerjaan utama di Malaysia ketika ini. Sehubungan itu, alam pekerjaan masa kini bukan sahaja memerlukan kemahiran pekerjaan bahkan juga beberapa kemahiran diri yang lain (Mohamad Sattar Rasul et.al. 2009). Menurut Lankard (1995), walaupun ke semua jenis kemahiran pekerjaan adalah kritikal kepada karier seseorang individu tetapi ia tidak menjamin kejayaan individu dalam pekerjaan. Kebanyakan majikan berpendapat, kemahiran yang diperlukan oleh seseorang individu untuk menjamin pekerjaan mereka adalah kemahiran *employability* yang berkait rapat dengan aspek gambaran personal, sikap, tabiat, tingkah laku, cara berkomunikasi, penyelesaian masalah, kemahiran membuat keputusan serta proses mengurus organisasi seperti yang diberikan oleh Buck dan Barrick (1987) ;

Employability skills are the attributes of employees, other than technical competence, that make them an asset to the employer. These employability skill include reading, basic arithmetic and other basic ; problem solving, decision making and other higher order thinking ; and dependability, a positive attitude, cooperativeness and other effective skills and traits.

Menurut Secretary's Commission On Achieving Necessary Skill (SCANS,1991), tiga kemahiran penting yang diperlukan oleh majikan adalah (1) Kemahiran teknikal (2) Kemahiran akademik (3) Kemahiran *employability*. Hasil kajian SCANS juga telah mengenal pasti tujuh kompetensi utama kemahiran *employability* yang diperlukan di peringkat awal pekerjaan iaitu (1) kemahiran asas (2) kemahiran berfikir (3) kemahiran sumber (4) kemahiran infomasional (5) kemahiran interpersonal (6) kemahiran sistem teknologi dan (7) kualiti personal. Berdasarkan semua jenis kemahiran ini, kualiti personal merupakan tunggak utama terhadap 7 kompetensi yang dibina kerana ia menggambarkan ciri – ciri kualiti personal yang sentiasa diperlukan oleh majikan dalam sektor industri masa kini (Mohamad Sattar Rasul, 2009) iaitu mempunyai semangat kerja yang tinggi, sentiasa bersikap positif, intergriti kerja yang tinggi,bertanggungjawab terhadap tugas serta kemampuan bekerja tanpa penyeliaan (Zaliza Hanapi et.al, 2018). Secara asasnya, elemen-elemen kualiti personal seperti yang dinyatakan di atas bukanlah sesuatu yang boleh dilatih seperti kemahiran teknikal, malah ianya harus dipupuk di peringkat pendidikan lagi melalui beberapa strategi dalam jangka masa yang tertentu. Menurut Bishop dan Lankard (1987), di antara strategi tersebut ialah menggalakkan “ *self esteem* ” dalam kalangan pelajar iaitu pemupukan nilai, kepercayaan, sikap terhadap diri sendiri serta keupayaan untuk seseorang menguruskan kerjaya yang diceburinya (Nor Aslasiyah, 2014). Buck dan Barrick pula (1987) mencadangkan agar tenaga pengajar memberikan pelajar kaedah untuk menyelia tingkah laku semasa bekerja serta memikirkan kaedah untuk mengukur sifat, sikap dan tabiat. Sebenarnya, ke semua strategik yang dicadangkan ini dapat diorientasikan melalui model latihan spiritual Islam yang dikenali sebagai *dawrah ruhiyyah* sebagai satu mekanisme latihan spiritual berteraskan kesejahteraan mental, spiritual dan kesempurnaan tingkah laku seseorang individu (Abu Dardaa Mohamad et.al, 2017). Oleh itu, hubungan dan keperluan di antara latihan spiritual Islam dan kualiti personal dalam memenuhi aspek kemahiran *employability* dapat ditunjukkan seperti yang berikut ;




Rajah 1.1. Hubungan Latihan Spiritual dan Kualiti Personal

Model *Dawrah Ruhiyyah*

Titik tolak pertama yang menjadi asas perlunya seseorang individu muslim menjalani *dawrah ruhiyyah* sebagai satu metod latihan spiritual Islam adalah untuk meningkatkan kualiti spiritualnya pada setiap masa agar hatinya tidak berada di bawah pengaruh hawa nafsu dan diselaputi oleh kegelapan atau was- was (Sa'id Hawwā, 1995). Untuk itu, seseorang perlu mengadakan latihan spiritual yang berkualiti dalam suatu tempoh masa yang tertentu dengan melaksanakan setiap amalan yang dapat menyucikan jiwanya setiap hari. Dalam masa yang sama, *dawrah ruhiyyah* ini diharapkan dapat membersihkan jiwa seseorang dari sifat-sifat yang tercela dan sebagai kemuncaknya, jiwa tersebut dapat disembuhkan daripada pelbagai penyakit spiritual dalam usaha menerbitkan perilaku yang

positif (Zakaria Stapa, 2001). Sehubungan itu, di antara mekanisme yang dapat dilaksanakan adalah dengan mengikuti serta melaksanakan secara bersungguh - sungguh amalan keislaman melalui dimensi *taklif* suruhan agama iaitu al-solat, puasa, tilawah al-Quran, *al-dhikr*, *tafakur*, mengingati mati, *muraqabah*, *muhasabah* dan *mujahadah*. (Sa'id Hawwā, 1995). Semua amalan keislaman yang terletak dalam dimensi *taklif* suruhan ini dianggap sebagai mekanisme utama *dawrah ruhiyyah* yang boleh digunakan seluas-luasnya oleh seseorang bagi mencanai *al-nafs* untuk menerbitkan ke semua perilaku yang positif dalam kerangka pembangunan kualiti personal (Zakaria Stapa, 2001). Untuk itu, ke semua amalan dan latihan spiritual tersebut perlu dilaksanakan dalam satu taraf pelaksanaan yang sejajar dan menepati antara amalan lahir dan amalan batin. Ini bermakna, semua amalan tersebut, hendaklah diangkat taraf pelaksanaannya ke tahap *al-ihsan* atau *muraqabatullah* iaitu seseorang meletakkan dirinya di bawah pengawasan Allah S.W.T. dalam setiap masa sehingga timbulnya suatu keyakinan bahawa Allah S.W.T. melihat dirinya dalam setiap sesuatu yang dilakukan itu. (Abū Bakr al-Jazā'irī (t.t.). Untuk memastikan kedua-dua aspek ini mampu dilaksanakan, maka bimbingan dari guru yang *mursyid* sangatlah diperlukan kerana bimbingan dari seseorang *mursyid* merupakan syarat terpenting dalam memastikan keberhasilan objektif latihan spiritual. Dengan kata lain, tanpa kehadiran seseorang *mursyid*, seseorang itu dibimbingi tidak dapat beristiqamah dengan setiap amalan kerohanian Islam yang telah ditetapkan (Akmansyah, 2015). Oleh itu, semestinya seseorang memerlukan bimbingan, hubungan dan keterkaitan yang erat antara dirinya dengan *mursyid* sebagai pembimbing latihan spiritualnya. Sehubungan itu, model *dawrah ruhiyyah* dapat ditunjukkan seperti yang berikut ;



Rajah 1.2. Model Latihan Spiritual Islam (*dawrah ruhiyyah*)

Berdasarkan cadangan model latihan spiritual di atas, konsistensi, *mujāhadah* dan *al-ihsan* merupakan tiga teras utama yang menentukan keberhasilan latihan spiritual melalui dimensi *taklif* suruhan agama. Oleh itu, parameter utama yang dapat mengukur kejayaan proses latihan spiritual ini ialah wujudnya suatu perubahan dan pengaruh yang ketara

terhadap keadaan spiritual seseorang (Sa'id Hawwa,1997) iaitu terhasil di dalam hatinya sejumlah makna yang menjadikan jiwanya sentiasa tenang dan dengan itu, secara tidak langsung akan terbit suatu bentuk perhubungan yang positif dengan Allah S.W.T. dan sesama manusia (Mahsyuri, 2012). Sebaliknya, sekiranya ketiga-tiga elemen di atas tidak diikutsertakan, maka latihan spiritual yang dilaksanakan tidak dapat memenuhi objektif yang diharapkan sebagai akibat dari keadaan spiritual yang tidak konsisten dalam melawan pengaruh hawa nafsu serta hasutan syaitan dan akhirnya, spiritualnya dikuasai oleh *nafs al-ammārah* (Norfadilah et.al, 2014).

Permasalahan Kajian

Aspek keagamaan memainkan peranan yang cukup besar dalam meningkatkan nilai kualiti spiritual seseorang kerana ia dapat membentuk tingkah laku, tindakan dan keputusan seseorang. Perkara ini bertepatan dengan sifat agama yang menjadi salah satu keperluan spiritual yang sentiasa mendampakan kebahagiaan dan ketenangan jiwa (Zidni Nuran et.al. 2017). Sehubungan itu, pembangunan nilai kualiti spiritual yang berteraskan agama meletakkan suatu garis sempadan yang jelas dalam menentukan tindakan dan perilaku luaran seseorang antara perkara yang betul dan salah. Secara tidak langsung juga, nilai kualiti spiritual yang bersih akan menghantar mesej yang positif iaitu rasa dan ilham ke arah mencintai kebenaran dan menolak kejahatan (Sharon Lee, 2009). Sehubungan itu, terdapatnya kajian-kajian lepas dan terkini yang mengakui bahawa penglibatan agama adalah saling diperlukan dalam meningkatkan kesihatan mental dan spiritual terutamanya dalam mengurangkan gejala-gejala negatif seperti *depression*, *substance abuse* dan *suicide*. (Raphael M.Bonelli et.al. 2013). Begitu juga, elemen-elemen keagamaan sangat diperlukan dalam mencegah perilaku seseorang individu yang bersifat *delinquency* (Finney, et.al, 1985). Dalam aspek pekerjaan, elemen spiritualiti didapati berupaya mencegah perilaku penyelewengan dan negatif dalam sesebuah organisasi (Aminah Ahmad et.al. 2014). Dengan itu, elemen spiritual yang berteraskan agama merupakan unsur dalaman yang mampu mempengaruhi seseorang individu yang bermasalah kerana ia mampu mencipta makna dan kepercayaan dalam diri manusia (Khairul Hamimah et.al. 2014). Berdasarkan beberapa sorotan dapatan kajian di atas, dapat dibuktikan dengan jelas tentang keperluan agama dan spiritual dalam mempertingkatkan nilai kualiti personal seseorang individu. Walaubagaimana pun, berdasarkan sorotan hasil kajian literatur lepas juga, didapati tidak terdapat banyak data emperikal yang dapat menjelaskan secara holistik mekanisme latihan spiritual berasaskan agama dalam kerangka pembangunan dan penilaian nilai kualiti spiritual seseorang individu. Ini kerana proses pembangunan spiritual berasaskan agama merupakan suatu latihan untuk melaksanakan tuntutan agama yang selari dengan tuntutan keimanan kepada Allah S.W.T. dengan meletakkan aspek spiritual agar sentiasa berhubung secara positif dengan pencipta-Nya dan sesama manusia (Nur Khamim, 2016). Oleh itu nilai taqwa adalah elemen terpenting dalam latihan spiritual seseorang muslim (Majhabeen Ahmad, 2016). Namun begitu, bagi sarjana Barat, spiritual dan keagamaan adalah sesuatu yang tidak sama, akan tetapi kedua- dua perkara tersebut sangat berkaitan (Che Zarina, 2017). Justeru, kajian ini merupakan suatu kajian rintis untuk mengenal pasti terlebih dahulu tahap kefahaman dan keperluan latihan spiritual dalam kalangan responden, tahap konsistensi serta menilai tahap keberkesanan latihan spiritual yang dijalani oleh seseorang dalam rangka pemupukan dan pembangunan nilai kualiti personal diri.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kajian penerokaan (*exploratory research*) yang menggabungkan pendekatan kajian kuantitatif dan kualitatif sebagai kaedah triangulasi bagi pengukuhan dapatan kajian. Melalui kaedah kajian kuantitatif, seramai seramai 162 orang responden telah dipilih sebagai sampel kajian dalam kajian ini, melalui prosedur persampelan rawak bebas (*random sampling*). Analisis data melalui statistik deskriptif dipersembahkan dalam bentuk peratusan, kekerapan dan nilai min. Manakala statistik inferensi melalui ujian korelasi *Spearman (r)* di gunakan untuk melihat perhubungan antara pembolehubah – pembolehubah serta menjawab soalan-soalan kajian ini. Dalam kajian kualitatif pula, seramai 15 orang responden telah terlibat dalam kajian ini. Data – data kajian kualitatif yang diperolehi telah dianalisis secara induktif bagi menyokong dapatan kajian kuantitatif.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah mengenal pasti tahap konsistensi serta keberkesanan *dawrah ruhiyyah* dalam meningkatkan kualiti spiritual pelajar di Universiti Malaysia Pahang (UMP)

Soalan – Soalan Kajian

1. Sejauhmanakah tahap konsistensi amalan *dawrah ruhiyyah* peserta dalam aspek peningkatan nilai kualiti spiritual ?
2. Sejauhmanakah keberkesanan *dawrah ruhiyyah* dalam memupuk nilai kualiti spiritual peserta ?
3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap konsistensi *dawrah ruhiyyah* dan peningkatan nilai kualiti spiritual ?
4. Apakah elemen keberkesanan aplikasi *dawrah ruhiyyah* dalam meningkatkan kualiti spiritual pelajar ?

DAPATAN KAJIAN

Maklumat Demografi Responden

Jantina	Lelaki	55	35.8%
	Perempuan	104	64.2%
		162	100.0%
Umur	18-19 Tahun	20	12.3%
	20-21 Tahun	90	55.6%
	22-23 Tahun	48	29.6%

24-25 Tahun	4	2.5%
Jumlah	162	100.0

(Sumber : Soal Selidik Tahun 2019)

Jadual di atas menunjukkan bilangan keseluruhan responden adalah seramai 162 orang. Dari jumlah ini, bilangan responden lelaki adalah seramai 58 orang. Manakala bilangan responden perempuan adalah seramai 104. Ini bermakna bilangan responden perempuan melebihi bilangan responden lelaki. Dari sudut umur, bilangan umur responden yang tertinggi adalah di antara julat umur 20 – 21 tahun dan bilangan umur responden yang terendah adalah di antara julat umur 24 – 25 tahun.

1. Sejauhmanakah tahap konsistensi amalan *dawrah ruhiyyah* peserta dalam aspek peningkatan nilai kualiti spiritual peserta?

Tahap Konsistensi Amalan *Dawrah Ruhiyyah*

ITEM	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai Min
C1 - Solat fardu	161	4.4286	.79620	Tinggi
C2- Qiamullail	161	2.7081	1.19185	Sederhana rendah
C3- Tilawah al- Quran	162	3.7901	1.00577	Sederhana tinggi
C4 - Zikrullah	162	3.8086	1.01255	Sederhana tinggi
C5 -Puasa sunat	161	2.8696	1.16796	Sederhana rendah
C6 -Muraqabah	161	3.6584	.83745	Sederhana tinggi
C7 - Muhasabah	162	3.6852	.90184	Sederhana tinggi
C8 - Mujahadah	161	3.6087	.86728	Sederhana tinggi
C9 - Zikr al-Maut	162	3.5309	.99172	Sederhana tinggi
C10 - Taubat	162	3.4074	1.00653	Sederhana tinggi
C11 - Berdoa	162	4.5309	.68862	Tinggi
Min Keseluruhan	162	3.6401	0.60301	Sederhana tinggi

(Sumber : Soal Selidik tahun 2019)

Jadual di atas menunjukkan item-item yang mengukur tahap konsistensi responden yang terdiri dari 11 item amalan *dawrah ruhiyyah*. Berdasarkan dapatan di atas, didapati amalan solat fardu dan berdoa berada di tahap interpretasi min tinggi. Manakala amalan tilawah al-Quran, zikrullah, *muraqabah*, *muhasabah*, *mujahadah*, *zikr al-maut* dan taubat berada di tahap interpretasi min sederhana tinggi. Amalan *qiamullail* dan puasa sunat pula berada di tahap min sederhana rendah. Dengan ini, setiap responden sukar untuk melaksanakan setiap

amalan latihan spiritual Islam secara konsisten iaitu min keseluruhan amalan latihan responden berada di tahap sederhana tinggi.

2. Sejauhmanakah keberkesanan *dawrah ruhiyyah* dalam memupuk nilai kualiti spiritual peserta ?

Peningkatan nilai kualiti spiritual				
Item	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai Min
E1 - Bertindak secara rasional	162	4.3827	.70610	Tinggi
E2 - Mendapat ketenangan emosi	162	4.4630	.71487	Tinggi
E3 - Tidak bertabiat lalai	162	4.3580	.68359	Tinggi
E4 - Menguasai diri sendiri	162	4.0988	.84302	Tinggi
E5 - Meningkatkan personaliti diri	162	4.2531	.75025	Tinggi
E6 - Integriti dalam pekerjaan	161	4.0559	.84593	Tinggi
E7 - Mengawasi diri sendiri	161	4.1304	.73426	Tinggi
E8 - Mengenali kelemahan diri	161	4.1677	.74361	Tinggi
E9 - Memelihara diri dari kemungkaran	161	4.2919	.70392	Tinggi
E10 - Mendapat kesejahteraan diri	161	4.2236	.75808	Tinggi
E11 - Mempertingkatkan keyakinan diri	161	4.4286	.63948	Tinggi
Min Keseluruhan	162	4.2600	.53418	Tinggi

(Sumber : Soal Selidik tahun 2019)

Jadual di atas menunjukkan item- item yang mengukur kesan amalan *dawrah ruhiyyah* dalam aspek pemupukan nilai kualiti spiritual berdasarkan 11 item. Berdasarkan dapatan yang diperolehi, didapati ke semua item yang diukur berada di tahap interpretasi min tinggi. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa setiap amalan latihan spiritual yang dilaksanakan dapat mempertingkatkan kualiti spiritual. Oleh itu min keseluruhan kesan amalan *dawrah ruhiyyah* berada di tahap tinggi. Dapatan kajian yang dinyatakan di atas adalah selari dengan dapatan kajian kualitatif iaitu peserta-peserta menyatakan bahawa

program *dawrah spiritual* telah dapat meningkatkan nilai kualiti spiritual diri mereka. Dapatan ini adalah berdasarkan jawapan responden yang berikut ;

R.1. *Ya, sangat memberi kesan iaitu menjadikan saya lebih konsisten dan bersemangat dalam menjalankan rutin harian.*

R.2. *Sangat memberi impak kepada diri, keyakinan terhadap amalan dan balasan pahala semakin tinggi, bila dapat tahu ganjarannya.*

R.3. *Ya, kerana borang mutabaah amal membuatkan diri saya istiqamah dengan ibadat yang sukar untuk saya lakukan sebelum ini dan menjadi ringan dari semasa ke semasa. Penilaian / pemarkahan amal membuatkan saya bermuhasabah dengan ibadat yang saya lakukan.*

R.4. *Ya, dengan amalan – amalan dapat disemak atau muhasabah setiap hari dalam modul latihan dawrah ruhiyyah dengan bimbingan dari guru.*

R.5. *Sangat memberi impak kepada saya kerana saya menjadi semakin rajin untuk melakukan ibadah sunat.*

R.6. *Ya, banyak perubahan positif dalam diri saya.*

3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap konsistensi *dawrah ruhiyyah* dan peningkatan nilai kualiti spiritual ?

Jadual 1.9 : Kekuatan Hubungan Mengikut Nilai Korelasi

		Tahap Konsistensi <i>dawrah ruhiyyah</i>	Peningkatan Nilai Kualiti Spiritual
Tahap Konsistensi <i>dawrah ruhiyyah</i>	Correlation Coefficient Sig. (2-tailed) N	1.000 162	.438* .000 162

Peningkatan Nilai Kualiti Spiritual	Correlation Coefficient Sig. (2-tailed) N	.438** .000 162	1.000 162
---	--	-----------------------	--------------

**p < 0.01

(Sumber : Soal Selidik tahun 2019)

Jadual di atas menunjukkan pekali kolerasi *Spearman* (*r*) yang mengukur kekuatan hubungan di antara tahap konsistensi amalan *dawrah ruhiyyah* dan pemupukan nilai kualiti spiritual. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan sederhana kuat yang signifikan antara tahap konsistensi *dawrah ruhiyyah* dan peningkatan nilai kualiti spiritual ($r = 0.44$, $p < 0.01$). Oleh itu, hipotesis nul (H_0) yang menyatakan tiada hubungan yang signifikan antara tahap konsistensi dan peningkatan nilai kualiti spiritual adalah ditolak.

4. Apakah elemen keberkesanan aplikasi *dawrah ruhiyyah* dalam meningkatkan kualiti spiritual pelajar ?

Jawapan – jawapan yang diberikan oleh responden secara jelas menunjukkan penglibatan guru sebagai *mursyid* merupakan elemen utama keberkesanan *dawrah ruhiyyah* dalam meningkatkan kualiti spiritual pelajar. Dapatan kajian ini adalah berdasarkan jawapan-jawapan responden yang berikut ;

R.1. *Diadakan pada setiap minggu agar dapat melatih diri untuk terus konsisten dan untuk memenuhi keperluan rohani iaitu seperti pesanan- pesanan dan amanat yang diberikan oleh Ustaz memberi banyak manfaat kepada diri saya dan rakan – rakan.*

R.2. *Saya juga bercadang sekiranya untuk dapat melakukan program ini sebanyak dua kali seminggu sebab saya amat menyukai program ini.*

R.3. *Penyemakan “ mutaba’ah amal “ dengan guru berterusan.*

R.4. *Dapat keluarkan jadual secara tetap bila akan diadakan mengikut tarikh dalam setiap bulan.*

R.5. *Program “ Qiamullail “ (taqarrub ila Allah) dibuat setiap minggu.*

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan latihan spiritual Islam berasaskan *dawrah ruhiyyah* dapat meningkatkan nilai kualiti spiritual pelajar. Dapatan ini menunjukkan latihan spiritual yang berteraskan elemen agama merupakan unsur dalaman yang mampu

mempengaruhi makna dan kepercayaan dalam diri seseorang. (Khairul Hamimah et.al. 2014). Walaubagaimana pun, hasil dari dapatan kajian ini menunjukkan tidak ke semua responden mampu untuk konsisten dalam setiap amalan *dawrah ruhiyyah* berdasarkan min keseluruhan *dawrah ruhiyyah* iaitu min keseluruhan *dawrah ruhiyyah* adalah berada di tahap sederhana tinggi (nilai min = 3.6401). Dapatan ini menunjukkan proses *mujahadah al-nafs* dan *riyadah al-nafs* tidak terlaksana sepenuhnya sebagai teras utama *dawrah ruhiyyah* dalam diri peserta. Sehubungan itu, kajian ini mendapati terdapat hubungan sederhana kuat yang signifikan antara tahap konsistensi amalan *dawrah ruhiyyah* dan peningkatan nilai kualiti spiritual dalam kalangan peserta ($r = 0.44$, $p < 0.01$). Dapatan ini adalah selari dengan kerangka teori kajian ini iaitu *al-nafs* sebagai elemen yang menerbitkan pelbagai salah laku negatif dalam diri seseorang dapat diatasi dengan perjuangan jiwa yang bersungguh-sungguh (*mujahadah al-nafs*) melalui pelbagai amalan *dawrah ruhiyyah* yang konsisten dalam rangka menerbitkan nilai-nilai positif dalam diri seseorang (Zakaria Stapa, 1995).

Dalam mengukur keberkesanan *dawrah ruhiyyah*, dapatan kajian ini secara kuantitatif dan kualitatif menunjukkan latihan spiritual ini dapat memberikan sumbangan yang sangat positif dalam mempertingkatkan nilai kualiti spiritual responden. Dapatan ini dilihat dalam satu aspek iaitu min keseluruhan kesan amalan *dawrah ruhiyyah* berada di tahap min tinggi (nilai min = 4.2600) manakala dapatan kualitatif telah mengukuhkan dapatan kajian ini iaitu keseluruhan peserta yang mengikuti program latihan ini memperakui bahawa program latihan spiritual ini telah dapat memberi banyak perubahan positif dalam diri peserta. Dapatan ini secara asasnya menunjukkan aspek konsistensi merupakan satu indikator yang dapat mengukur tahap pencapaian amalan *dawrah ruhiyyah* dalam mempertingkatkan nilai kualiti personal diri seseorang pelajar. Seterusnya, dapatan kajian turut mengenalpasti penglibatan guru sebagai *mursyid* dalam latihan spiritual Islam sebagai faktor yang menentukan keberkesanan latihan spiritual ini dalam kalangan peserta. Ini kerana, tugas seseorang *mursyid* adalah untuk menilai tahap konsistensi setiap amalan keislaman peserta dalam suatu tempoh masa yang ditetapkan. Dapatan ini adalah selari dengan sorotan tinjauan literatur kajian ini iaitu peranan guru sebagai *mursyid* dalam latihan spiritual adalah untuk membimbing seseorang murid mengendalikan hawa nafsu melalui proses *mujahadah* secara konsisten (Akmansyah, 2015). Konsistensi pula merupakan suatu aspek yang menentukan tahap kejayaan latihan spiritual seseorang peserta dalam satu tempoh masa yang ditetapkan (Gavin Picken, 2011) agar seseorang berupaya untuk meningkatkan tahap kesejahteraan diri, menangani gejala tekanan jiwa, menyelesaikan masalah serta pembentukan disiplin diri (Finney, 1998).

RUJUKAN

Abū Bakr al-Jazā'irī (t.t.), *Minhāj al-Muslim*. Qāhirah : Dār al-Salām.

Abu Dardaa Mohamad et. al. (2017). Konsep Tazkiyah al-Nafs Menurut al-Harith bin Asad al-Muhasibi. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*.

Aminah Ahmad et. al. (2014). Reducing Deviant Behavior through Workplace and Job Satisfaction. *Journal of Asian Sciences*, Vol.10, No. 19.

Buck, L.L. & Barrick, R.K. (1987), They're trained, but are they employable ? Vocational Education Journal 62 (5) ; 29-31.

Che Zarrina et.al. (2017). Peranan Spiritual Dalam Rawatan Paliatif. *Jurnal Afkar*. Vol. 19, Issue 2.

Faizatul Najihah et.al. (2015). Nilai- Nilai Pembangunan Modal Insan Menurut al-Ghazali. *International Journal Of Islamic and Civilizational Studies*.

Finney, J.R., & Maloney, H.N (1985), Emperical Studies of Christian Prayer. A Review of the literature. *Journal of Psychology and Theology*, 13,104-115.

Gavin Picken (2011), *Spiritual Purification In Islam, The Life and Works of al-Muhasibi*. c.3., Abingdon : Routledge.

Lankard, B.A. (1995), *Employbilty-The Fifth Basics Skills*. Columbus Ohio, Career and Vocational Education.

Khairul Hamimah Mohammad Jodi et.al.(2014). Penerapan Agama Dalam Modul Psikospiritual dan Kesannya Terhadap Kesihatan Spiritual : Kajian Kes Di Kompleks Dar Assaadah Kuala Lumpur. *Jurnal Syariah*. Jil 22, Bil. 1.

Mahjabeen Ahmad et.al. (2016). A Model of Spirituality for Ageing Muslims. *Journal of Relig Health*.

Mahsyuri (2012). Prinsip-Prinsip Tazkiyah al-Nafs Dalam Islam Dan Hubungan Dengan Kesihatan Mental. *Jurnal Pemikiran Islam*.

Md Noor Saper et.al. (2016). The Effects of Guidance Module In Islamic Perspective On The Religiosity Among Students With Misbehaviour Issues. *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah*.

Mohamad Sattar Rasul et.al. (2009). Aspek Kemahiran " Employbilty " yang dikehendaki Majikan Industri Pembuatan Masa Kini. *Jurnal Pendidikan Malaysia*.

Mohamad Sattar Rasul et.al. (2009). Peranan Institusi Pendidikan Teknikal Dalam Pemupukan Kemahiran " Employbilty " Pelajar. *Jurnal Teknologi*.

Nor Aslasiyah Ghani (2014). *Kemahiran Emplobility dan Penghargaan Kendiri Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan*, UTHM, Laporan Projek Sarjana Pendidikan dan Vokasional. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Norfadilah et.al.(2014).Pembangunan Kerohanian Berasaskan al-Muhasibi Dalam Menangani Gejala Sosial Masa Kini. *e-Proceeding of The International Conference Of Intergration Knowledge*. Bandung: [http:// WorldConference.net](http://WorldConference.net).

Nur Khamim (2016).Pemikiran Danah Zohar dan Ian Marshall Tentang Kecerdasan Spiritual Dalam Perspektif Pendidikan Agama Islam,Attaqwa,Jurnal Pendidikan Islam.Vol. 12, No. 1.

Raphael M. Bonelli et. al. (2013). Mental Disorders, Religion and Spirituality 1990 to 2010 : A Systematic Evidence-Based Review. *Journal Relig Health*.

Rohana Hamzah (2010). Spiritual Education Development. *International Journal of Islamic and Arabic Education*.

Sa'id Hawwā (1995). *al-Mustakhlash Fi Tazkiyah al-Nafs*. Qāhirah: Dar al-Salām.

Salasiah Hanin Hamjah et. al. (2015). Spiritual Approach In Managing Work- Related Stress Of Academicians. *Journal Procedia- Social and Behavioral Sciences*.

Sharon Lee (2009), *Conflicts of Consciences*. Tesis Sarjana Undang-Undang. McGill University, Montreal.

Zakaria Stapa (1995) *Akhlak dan Tasawwuf Islam*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.

Zakaria Stapa (2001) *Insan Kamil : Ciri dan Proses Pembentukan*. *Jurnal AFKAR*. Bil.2/2001

Zaliza Hanapi et.al. (2018). Indikator Kemahiran Employbility Dalam Kalangan Graduan Pendidikan. *Jurnal Sains Humanika*.

Zidni Nuran Noordin et.al. (2017). Perbandingan Proses Tazkiyah al-Nafs Menurut Imam al-Ghazali dan Ibnu Qayyim. *Jurnal al-Turath*.
